
PENYATA

**JAWATANKUASA PILIHAN MENGENAI AGENSI, BADAN BERKANUN
DAN ANAK SYARIKAT KERAJAAN NEGERI (JP-ABAS)
MENGENAI LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA
NEGERI SELANGOR TAHUN 2009**

**MAKLUMBALAS PENEMUAN AUDIT
LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA
NEGERI SELANGOR TAHUN 2009
KE ATAS
PERMODALAN NEGERI SELANGOR
BERHAD (PNSB)**

**PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN ABAS BERKENAAN MAKLUMBALAS PENEMUAN AUDIT
LAPORAN AUDIT NEGARA 2009 KE ATAS PERMODALAN NEGERI SELANGOR BERHAD (PNSB)**

1. PENDAHULUAN

- 1.1 Berdasarkan Laporan Ketua Audit Negara: Aktiviti Jabatan/Agenzi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Selangor Tahun 2009 berkenaan Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan): Permodalan Negeri Selangor Berhad (PNSB) dari muka surat 117 hingga 134 satu pendengaran tertutup telah diadakan oleh Jawatankuasa Pilihan ABAS pada 13 April 2011.
- 1.2 Hadir dalam pendengaran tertutup tersebut adalah:
- | | |
|--|-----------|
| 1. Y.B. Tuan Haji Saari Bin Sungib
(ADN Kawasan Hulu Kelang) | Pengerusi |
| 2. Y.B. Puan Hannah Yeoh Tseow Suan
(ADN Kawasan Subang Jaya) | Ahli |
| 3. Y.B. Tuan Hj. Khasim Bin Abdul Aziz
(ADN Kawasan Lembah Jaya) | Ahli |
| 4. En. Shamsul Azri bin Abu Bakar
Timbalan Pegawai Kewangan Negeri | |
| 5. Puan Nik Azrimah Binti Abdul Ghafar
Ketua Penolong Bendahari Negeri | |
| 6. Tuan Haji Mohd Yusof Bin Joned
Pengurus Kanan Pembangunan Sumber
Manusia dan Pentadbiran PNSB | |
| 7. Tuan Haji Nor Azman Bin Kusin
Pengurus Perancangan Projek PNSB | |
| 8. Encik Mohamad Nizam Bin Haji Yaacob
Pengurus Korporat/Setiausaha Syarikat PNSB | |
| 9. Encik Beh Boon Guan
Pengurus Kewangan PNSB | |
| 10. Puan Nor Juanna Hilda Binti Dato' Julaini
Penasihat Undang-Undang PNSB | |
| 11. Puan Alina Binti Idris
Pengurus Perhubungan Awam PNSB | |
| 12. Encik Yousman Bin Yaakub
Eksekutif Perancang PNSB | |

13. Puan Mazian Binti Manan
Penolong Setiausaha (Urusetia Dewan)
 14. Cik Siti Salina Binti Muftar
Setiausaha Pejabat (Urusetia Dewan)
 15. Cik Noor Syazwani Bt Abd Hamid
Setiausaha Pejabat (Urus setia)
- 1.3 Tumpuan penyata ini adalah terhadap empat perkara utama, iaitu prestasi kewangan, Projek Bandar Baru Salak Tinggi (BBST), Apartmen Al-Marwa Tower di Makkah, Arab Saudi dan pelupusan aset terhadap enam unit kereta Volvo S70.

2. ISU-ISU PENELITIAN JP-ABAS

2.1 Prestasi Kewangan

2.1.1 Fakta:

- i. Penemuan Audit menyatakan sehingga akhir bulan April 2010, penyata kewangan 2008 dan 2009 masih belum disediakan dan diaudit oleh juruaudit awam bertauliah. Ini menyebabkan pihak Audit tidak dapat menganalisis prestasi kewangan PNSB bagi tahun kewangan 2008 dan 2009 untuk menilai sama ada PNSB berupaya mencatat keuntungan selepas cukai yang munasabah dan berjaya memberi pulangan yang tinggi atas nilai pelaburan Kerajaan Negeri Selangor.
- ii. Penemuan Audit menyatakan menurut PNSB Penyata Kewangan beraudit bagi tahun 2008 dan 2009 akan dikemukakan kepada pihak Audit pada bulan Jun 2010.
- iii. Maklum balas PNSB menyatakan Lembaga Pengarah PNSB telah meluluskan Penyata Kewangan Beraudit PNSB bagi tahun kewangan 2008 dan 2009 melalui keputusan Mesyuarat Lembaga Pengarah PNSB Bil. 1/2011 bertarikh 25 Mac 2011.

- iv. Maklum balas PNSB juga menyatakan juruaudit luar sedang dalam proses akhir dokumentasi Penyata Kewangan Beraudit bagi tahun 2008 dan 2009 dan PNSB menjangka akan menerima Penyata Kewangan tersebut selewat-lewatnya pada 15 April 2011.

2.1.2 Penemuan Jawatankuasa:

- i. Pihak PNSB telah tersasar untuk mengemukakan penyata kewangan kepada pihak Audit yang dijanjikan pada bulan Jun 2010.
- ii. Kelewatan pihak juruaudit luar yang disebabkan kelewatan audit dalam syarikat telah menyebabkan penyata kewangan beraudit tidak dapat dikemukakan kepada pihak Audit menurut jangka masa yang dijanjikan.
- iii. Kelewatan penyata akaun 2007 adalah dari segi pengesahan surat pengurusan, isu-isu berbangkit, pengesahan dari segi rekod kerana pertukaran pengurusan ketika itu. Akaun 2007 telah dibentangkan kepada Lembaga Pengarah pada Jun 2008, tetapi ianya tidak lengkap serta ada isu-isu yang tidak dapat dijawab. Pada Mesyuarat Agung Tahunan pembentangan akaun 2007 ditangguhkan sehingga ianya selesai sepenuhnya. Juruaudit luar bergantung pada baki penutup 2007, barulah akaun 2008 dibuat. Jika ada isu yang masih lagi tersangkut pada akaun 2007, pihak audit tidak boleh meneruskan untuk akaun 2008.

2.2 Projek Bandar Baru Salak Tinggi (BBST)

2.2.1 Fakta:

- i. Penemuan Audit menyatakan PNSB melaksanakan projek pembinaan kedai/pejabat tiga hingga lima tingkat di BBST, Daerah Sepang dengan kos pembangunan bernilai RM55.73 juta dari tahun 1995 hingga 2009. Selain itu, PNSB juga merancang untuk membina kompleks komersial, pejabat, hotel, pusat perubatan, stesyen minyak, stesen bas dan teksi.
- ii. Penemuan Audit menyatakan projek di BBST bagi membina 112 unit kedai dan pejabat tiga hingga lima tingkat telah siap dibina

pada tahun 2005. Bagaimanapun, sehingga bulan Disember 2009, PNSB masih belum memperolehi Sijil Kelayakan Menduduki Bangunan bagi projek yang telah siap dibinanya.

- iii. Penemuan Audit menyatakan dari 112 kedai pejabat yang disiapkan dengan kos RM55.73 juta, sebanyak 76 unit iaitu RM66.20 juta atau 67.9% masih belum dijual. Keadaan ini berlaku kerana tiada sambutan terhadap jualan bangunan komersial di kawasan Salak Tinggi.
- iv. Penemuan Audit juga menyatakan bagaimanapun, PNSB telah menyewakan 14 unit dari 76 unit kedai pejabat yang tidak dijual mulai Julai 2008 hingga Mei 2010 dengan kadar sewa antara RM700 hingga RM3,800 sebulan.
- v. Penemuan Audit juga menyatakan, akibat daripada itu PNSB mengalami kerugian sejumlah RM29.19 juta bagi projek BBST.
- vi. Maklum balas PNSB menyatakan bahawa pembinaan Fasa 1 pada tahun 1995-1998 melibatkan 22 unit dan 18 unit dijual manakala 4 unit tidak berjaya dijual. Fasa 2 pada 1997-2005 melibatkan 32 unit di mana 6 unit dijual dan 26 unit tidak berjaya dijual. Seterusnya Fasa 3 dimulakan dengan 58 unit di mana 8 unit dijual dan 50 unit tidak berjaya dijual. Ini menjadikan sebanyak 80 unit yang masih belum dijual.
- vii. Maklum balas PNSB menyatakan bahawa pihak pengurusan telah merancang untuk menjadikan baki tanah seluas 30 ekar sebagai lot-lot untuk dijual kepada pembeli.
- viii. Maklum balas PNSB turut menyatakan terdapat dua syarikat telah komited untuk membeli unit-unit tersebut. Salah satu syarikat telah pun menandatangani perjanjian untuk dijadikan hotel bajet manakala sebuah syarikat lagi dalam proses untuk menandatangani perjanjian menjadikan unit tersebut sebagai hotel bajet.

2.2.2 Penemuan Jawatankuasa:

- i. Terdapat perbezaan bilangan unit yang belum dijual dalam penemuan Audit, iaitu sebanyak 76 unit dengan maklum balas PNSB, iaitu sebanyak 80 unit.
- ii. Pihak PNSB tidak pernah membuat kajian pasaran dan kajian daya saing atau *feasibility study* sebelum menjalankan projek BBST.
- iii. Pihak PNSB tidak ada dokumen rasmi dan bertulis tentang kajian daya saing projek BBST.
- iv. Pihak pengurusan PNSB membuat pengakuan bahawa projek dan mana-mana fasa projek dijalankan adalah berdasarkan persepsi permintaan yang meningkat di Bandar Baru Salak Tinggi selaras dengan pembangunan KLIA.
- v. Tiada usaha terancang dan fokus dilakukan oleh pihak pengurusan PNSB untuk menyelesaikan isu Sijil Kelayakan Menduduki Bangunan bagi projek yang telah siap dibinanya.
- vi. Rancangan PNSB untuk menjadikan baki tanah seluas 30 ekar sebagai lot-lot untuk dijual kepada pembeli adalah mungkin bertentangan dengan hasrat awal tanah tersebut diserahkan oleh kerajaan kepada PNSB.

2.3 Apartmen Al-Marwa Tower di Makkah

2.3.1 Fakta:

- i. Penemuan Audit menyatakan pada keseluruhannya PNSB telah memperolehi 12 unit Apartment Al Marwa Tower bernilai RM25.60 juta pada 17 September 2007 dan 19 September 2007 di mana tujuh daripada 12 unit ini diperolehi dengan nilai RM17.25 juta tanpa mendapat kelulusan Lembaga Pengarah.
- ii. Penemuan Audit menyatakan tujuh unit Apartment Al Marwa Tower bernilai RM17.25 juta kemudiannya dijual semula kepada seorang individu tanpa kelulusan Lembaga Pengarah PNSB pada 26 September 2007 dengan harga yang sama dan PNSB

telah menerima bayaran tersebut dari 25 September 2007 hingga 3 Oktober 2007.

- iii. Penemuan Audit menyatakan Lembaga Pengarah PNSB hanya meluluskan pembelian dan pelupusan semula tujuh unit Apartment Al Marwa Tower pada 31 Januari 2008 iaitu hanya selepas transaksi pembelian dan pelupusan dilaksanakan pada bulan September 2007.
- iv. Maklum balas PNSB menyatakan terdapat 5 unit lagi yang ada pada PNSB di mana Kerajaan Negeri Selangor melalui MBI dipertanggungjawabkan untuk menyelaraskannya. PNSB telah mengenal pasti seorang pelabur untuk membeli 5 unit tersebut tetapi harga cadangan masih dalam perbincangan.
- v. Maklum balas PNSB menyatakan untuk 5 unit tersebut dikenakan *maintenance fee* tetapi masih belum menjelaskan bayaran sehingga kini.

2.3.2 Penemuan Jawatankuasa:

- i. PNSB tidak mempunyai rekod yang menunjukkan kelulusan telah diperolehi daripada Pihak Berkuasa Kerajaan Negeri untuk memperolehi 12 unit Apartment Al Marwa Tower bernilai RM25.60 juta.
- ii. PNSB tidak menubuhkan Jawatankuasa Pelaburan untuk memantau pelaburan hartanah di luar negara dan ini menyebabkan PNSB masih belum memperolehi pulangan hasil daripada pelaburan hartanah tersebut sehingga kini.
- iii. Mungkin terdapat amalan manipulasi perniagaan apabila 5 unit ini dijual semula kepada seorang individu dengan harga yang sama dan PNSB telah menerima bayaran tersebut dari 25 September 2007 hingga 3 Oktober 2007.
- iv. Tiada satu kerangka masa atau tempoh yang ditetapkan dalam Kerajaan Negeri Selangor melalui MBI menyelaraskan semua urusan berkaitan dengan kedudukan 5 unit apartmen di Al Marwa Tower.

- v. 5 unit yang dikenakan *maintenance fee* adalah satu beban kepada PNSB.
- vi. Tidak membayar *maintenance fee* adalah satu amalan korporat yang tidak profesional bahkan boleh menjelaskan nama baik Kerajaan Negeri Selangor.

2.3 Pelupusan Enam Unit Kereta Volvo S70

2.3.1 Fakta:

- i. Penemuan Audit menyatakan Mesyuarat Lembaga Pengarah PNSB Bil. 2/2004 bertarikh 16 Disember 2004 memberi kelulusan pelupusan aset terhadap enam unit kereta Volvo S70. Resolusi ini memberi kuasa kepada Ketua Pegawai Eksekutif dan pengurusan syarikat untuk menguruskan pelupusan dan menandatangani perjanjian.
- ii. Mesyuarat Lembaga PNSB Bil. 1/2005 bertarikh 10 Jun 2005 pula telah meluluskan penjualan kenderaan ini kepada pegawai pengurusan PNSB dengan harga RM36,500 seunit dan bayaran dibuat secara ansuran dalam tempoh enam bulan mulai Julai 2005 hingga Disember 2005.
- iii. Penemuan Audit menyatakan semakan terhadap keputusan Mesyuarat Lembaga Pengarah Bil. 1/2005 mendapati harga jualan bagi enam unit kenderaan tersebut adalah berdasarkan harga anggaran oleh JKR iaitu RM503,500 dengan diberi diskaun sebanyak 50% berjumlah RM251,750. Bagaimanapun, kenderaan tersebut telah dijual kepada pegawai-pegawai berkenaan dengan jumlah RM219,000 iaitu kekurangan sejumlah RM32,750.
- iv. Penemuan Audit menyatakan perkara ini berlaku kerana PNSB tidak menyediakan S.O.P sebagai panduan untuk mengurus dan mengawal pengurusan kewangan syarikat. Akibatnya, pengurusan kewangan telah menjelaskan kecekapan operasi PNSB.
- v. Maklum balas PNSB menyatakan penjualan 6 unit kereta Volvo S70 kepada Pengurusan Syarikat adalah selaras dengan

kelulusan Lembaga Pengarah PNSB Bil. 1/2005 bertarikh 10 Jun 2005 yang meluluskan penjualan tersebut dengan potongan 50% daripada harga penilaian JKR iaitu sebanyak RM36.500. Tidak wujud sebarang perbezaan memandangkan harga jualan tersebut adalah tertakluk kepada kelulusan tersebut.

- vi. Maklum balas PNSB menyatakan Pihak Pengurusan PNSB merancang untuk mewujudkan satu garis panduan dan S.O.P dalam draf Rancangan Lima Tahun PNSB (2011-2015). Pihak syarikat juga bercadang untuk melaksanakan sistem ISO bagi mewujudkan penyeragaman prosedur kerja. Walau bagaimanapun, cadangan pelaksanaan tersebut masih di peringkat kelulusan.

2.3.2 Penemuan Jawatankuasa:

- i. Penilaian JKR terhadap enam unit Volvo S70 iaitu berharga RM89,500 (BFS 171), RM86,000 (BFS 3232), RM73,000 (BFR 3223), RM87,000 (BFS 2233), RM82,000 (BFS 8668) dan RM86,000 (BFS 9588) diputuskan sebagai tinggi dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah Bil. 1/2005.
- ii. Mesyuarat Lembaga Pengarah Bil. 1/2005 meluluskan potongan 50% daripada harga penilaian JKR tetapi menggunakan harga terendah bagi Volvo S70 iaitu RM73,000.
- iii. Mesyuarat Lembaga Pengarah Bil. 1/2005 juga memutuskan jika pelupusan ini tidak terima oleh Pengurusan Syarikat, kenderaan bolehlah ditawarkan kepada Lembaga Pengarah kemudian kepada Eksekutif Syarikat dengan kadar yang sama.
- iv. Tidak terdapat garis panduan yang jelas dan telus dalam amalan PNSB melupuskan aset terhadap kenderaan yang terlibat.
- v. Berkemungkinan berlaku amalan manipulasi dalam menggunakan harga terendah daripada penilaian JKR yang menganggarkan harga-harga yang berbeza bagi enam unit Volvo S70 yang terlibat.
- vi. Berkemungkinan berlaku pertembungan kepentingan (conflict of interest) apabila Mesyuarat Lembaga Pengarah Bil. 1/2005 membuat keputusan jika pelupusan ini tidak terima oleh

Pengurusan Syarikat, kenderaan bolehlah ditawarkan kepada Lembaga Pengarah kemudian kepada Eksekutif Syarikat dengan kadar yang sama.

3. Saranan Jawatankuasa

3.1 Prestasi Kewangan

- i. Memastikan PNSB pada setiap masa dan ketika memiliki pegawai dan kakitangan audit dan kewangan yang berkelayakan dan kompeten agar kerja-kerja audit dalaman tidak melengahkan kerja-kerja juruaudit luar yang dilantik sendiri oleh PNSB yang akibatnya akan menjelaskan prestasi kewangan syarikat.

3.2 Bandar Baru Salak Tinggi

- i. Mengambil tindakan bersepada daripada semua pihak sama ada Pihak Berkuasa Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan, agensi-agensi terbabit dan juga PNSB dengan satu kerangka masa yang ditetapkan bagi mempercepatkan perolehan Sijil Layak Menduduki Bangunan (CF) bagi pembangunan projek di Bandar Baru Salak Tinggi.
- ii. Membuat keputusan yang cepat dan tegas berkenaan projek pembangunan di Bandar Baru Salak Tinggi dengan mempercepatkan perjanjian untuk menjadikan unit-unit kedai sebagai hotel bajet, dibangunkan aktiviti-aktiviti yang boleh menggalakkan perniagaan, disewa ataupun dilelong dengan harga berpatutan.
- iii. Memastikan rancangan PNSB untuk menjadikan baki tanah seluas 30 ekar sebagai lot-lot untuk dijual kepada pembeli adalah tidak bertentangan dengan hasrat awal tanah tersebut diserahkan oleh kerajaan kepada PNSB. Jika ianya bertentangan dengan tujuan asal, maka tindakan wajar hendaklah diambil bagi mengelakkan kerugian kepada Kerajaan Negeri.

3.3 Apartment Al Marwa Tower, Makkah

- i. Mewujudkan satu task-force di bawah MBI untuk menyelaraskan semua urusan berkaitan dengan kedudukan 5 unit apartment di Al Marwa Tower dengan satu terma tugas serta kerangka masa atau tempoh yang jelas dan spesifik.

- ii. Menyelesaikan segala urusan *maintenance fee* yang masih tertunggak bagi menjaga nama baik Kerajaan Negeri.
- iii. Mengenal pasti dan memaklumkan kepada Dewan Negeri individu yang membeli semula tujuh unit Apartment Al Marwa Tower tanpa kelulusan Lembaga Pengarah PNSB dengan harga yang sama dan mengenal pasti berapakah kadar bayaran ansuran yang telah dibuat.

3.4 Pelupusan Enam Unit Kereta Volvo S70

- i. Memastikan sebarang keputusan yang dibuat oleh Lembaga Pengarah dalam pelupusan aset syarikat hendaklah sebaik-baiknya mengikuti garis panduan agensi teknikal yang dirujuk seperti JKR dan pelupusan dilakukan dengan menggunakan kaedah tawaran terbuka atau lelong dengan mendapat kelulusan daripada Pihak Berkuasa Negeri terlebih dahulu.

Penyata ini dikemukakan oleh Jawatankuasa Pilihan Mengenai Agensi, Badan Berkanun dan Anak Syarikat Kerajaan Negeri (JP-ABAS) bagi dibentangkan sebagai makluman kepada Dewan yang mulia ini.



HJ SAARI BIN SUNGIB

Pengerusi,
Jawatankuasa Pilihan Mengenai
Agensi, Badan Berkanun dan Anak Syarikat Kerajaan Negeri
(JP-ABAS)

Bertarikh pada Jun 2011 di Shah Alam.

**MAKLUMBALAS PENEMUAN AUDIT
LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA
NEGERI SELANGOR TAHUN 2009
KE ATAS
SELANGOR INDUSTRIAL
CORPORATION SDN BHD (SIC)**

**PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN ABAS BERKENAAN MAKLUMBALAS PENEMUAN AUDIT
LAPORAN AUDIT NEGARA 2009 KE ATAS SELANGOR INDUSTRIAL CORPORATION SDN BHD (SIC)**

1. PENDAHULUAN

1.1 Berdasarkan Laporan Ketua Audit Negara: Aktiviti Jabatan/Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Selangor Tahun 2009 berkenaan Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor: Selangor Industrial Corporation Sdn Bhd dari muka surat 135 hingga 151 satu pendengaran tertutup telah diadakan oleh Jawatankuasa Pilihan ABAS pada 20 April 2011.

1.2 Hadir dalam pendengaran tertutup tersebut adalah:

- | | |
|---|-----------|
| 1. Y.B. Tuan Haji Saari Bin Sungib
(ADN Kawasan Hulu Kelang) | Pengerusi |
| 2. Y.B. Tuan Lau Weng San
(ADN Kawasan Kampung Tunku) | Ahli |
| 3. Y.B. Tuan Hj. Khasim Bin Abdul Aziz
(ADN Kawasan Lembah Jaya) | Ahli |
| 4. Y.B. Puan Hannah Yeoh Tseow Suan
(ADN Kawasan Subang Jaya) | Ahli |
| 5. Puan Fauziah Bt. Md. Noor
Penolong Juruaudit Negeri Selangor | |
| 6. Tuan Zulkefli bin Khalid
Pengurus Besar SIC | |
| 7. Puan Mazlina bt. Merican
Pengurus Kanan (Korporat) SIC | |
| 8. Puan Sujatha Alexander
Eksekutif Kanan Akaun SIC | |
| 9. Puan Noor Asdiana Bt. Abd Kadir
Ketua Penolong Setiausaha (Dewan) | |
| 10. Puan Siti Salbiah Bt Masri
Penolong Pegawai Tadbir (Dewan) | |
| 11. Cik Noor Syazwani Bt Abd Hamid
Setiausaha Pejabat (Urus setia) | |

1.3 Tumpuan penyata ini adalah terhadap tiga perkara utama iaitu prestasi kewangan, pengurusan aktiviti dan tadbir urus korporat.

2. ISU-ISU PENELITIAN JP-ABAS

2.1 Prestasi Kewangan

2.1.1 Fakta:

- i. Penemuan Audit menyatakan prestasi kewangan SIC adalah tidak memuaskan.
- ii. Penemuan Audit menyatakan keuntungan selepas cukai pada tahun 2009 berjumlah RM0.91 juta meningkat sejumlah RM0.10 juta atau 12.3% berbanding tahun 2008 berjumlah RM0.81 juta.
- iii. Penemuan Audit menyatakan bagaimanapun peningkatan untung selepas cukai pada tahun 2009 bukanlah disebabkan meningkatnya untung daripada aktiviti syarikat tetapi disebabkan pelarasan belanja cukai tahun 2008 yang terlebih diambil kira berjumlah RM.26 juta.
- iv. Maklum balas SIC menyatakan secara keseluruhannya aktiviti SIC pada tahun 2007 hingga 2009 merangkumi jualan bahan binaan, pembangunan dan pembinaan dan pengurusan projek.
- v. Maklum balas SIC menyatakan 80% penjualan bahan binaan adalah kepada kontraktor-kontraktor yang menjalankan projek-projek PKNS. Terdapat 200 pembekal yang berdaftar dengan SIC.
- vi. Maklum balas SIC menyatakan bahawa SIC hanya menyarankan tetapi tidak menetapkan pembelian kontraktor-kontraktor melalui SIC. Kontraktor-kontraktor boleh membuat pembelian bahan binaan dengan pembekal-pembekal lain selain SIC.
- vii. Maklum balas Jabatan Audit Negeri Selangor menyatakan amalan ini tidak sihat kerana ia menyebabkan syarikat tidak berdaya saing dan lebih bergantung pada kontraktor-kontraktor PKNS.

2.1.2 Penemuan Jawatankuasa:

- i. Sebagai sebuah subsidiari PKNS dengan modal berbayar yang begitu besar iaitu berjumlah RM35 juta dan telah berada dalam perniagaan selama 27 tahun ternyata SIC masih tidak memiliki *core business* dan *core competencies* yang kukuh dan spesifik.
- ii. Dengan operasi SIC di mana 80% penjualan bahan binaan adalah kepada kontraktor-kontraktor yang menjalankan projek-projek PKNS serta 200 pembekal yang berdaftar dengan SIC membekal bahan-bahan binaan kepada kontraktor-kontraktor, SIC dilihat berfungsi hanya sebagai 'orang tengah' dalam perniagaan yang bersifat monopoli.

2.2 Pengurusan Aktiviti

2.2.1 Fakta:

- i. Penemuan Audit menyatakan pengurusan aktiviti tidak memenuhi peraturan yang ditetapkan.
- ii. Penemuan Audit menyatakan prestasi kewangan kedua-dua syarikat subsidiari, iaitu Module Board Sdn Bhd dan Casic Marketing Sdn Bhd, adalah tidak memuaskan dengan kerugian terkumpul pada tahun kewangan 2008 berjumlah antara RM0.89 juta hingga RM1.46 juta. Kedua-dua syarikat subsidiari tersebut tidak aktif pada tahun 2007 hingga 2009. SIC juga tidak pernah mendapat pulangan atau dividen daripada syarikat subsidiari tersebut.
- iii. Maklum balas SIC menyatakan Casic Marketing Sdn. Bhd telah ditubuhkan pada tahun 1992 dan diaktifkan semula pada tahun 2005 dengan penyertaan pemegang saham dengan syarikat Malim Stoneware Sdn Bhd untuk mengimport jubin dari negara China. Aktiviti import jubin ini dihentikan pada tahun 2007 apabila kenaikan duti import oleh Kerajaan bagi melindungi industri tempatan maka harga jubin Casic Marketing Sdn Bhd tidak lagi kompetitif berbanding dengan jubin tempatan.
- iv. Maklum balas SIC menyatakan selepas kerugian tersebut Casic Marketing telah *didormantkan* dan SIC telah mengemukakan

cadangan untuk menggulung syarikat tersebut namun pemegang saham meminta penangguhan sehingga akhir tahun 2011.

- v. Maklum balas SIC menyatakan Syarikat Module Board Sdn Bhd telah ditubuhkan pada tahun 1991 dengan operasi pembuatan "*Wood Cement Panel*". Operasi Module Board Sdn Bhd dihentikan pada tahun 2000 disebabkan produk berkenaan tidak menepati citarasa dan pasaran.
- vi. Maklum balas SIC menyatakan apabila projek Bukit Botak dihentikan Module Board Sdn Bhd menerima kesan dan tiada lagi aktiviti diteruskan. SIC bercadang untuk menggulung Module Board Sdn Bhd pada akhir tahun 2011.

2.2.2 Penemuan Jawatankuasa:

- i. Oleh kerana SIC tidak mempunyai *core competencies* dalam perniagaan yang diceburinya, maka penubuhan dua subsidiarinya juga menghadapi masalah yang sama, iaitu tidak ada fokus dan tumpuan dalam benar-benar memahami kehendak dan kuasa pasaran.
- ii. Aktiviti Casic Marketing Sdn Bhd yang dipaksikan kepada mengimport jubin dari negara China tanpa penelitian terperinci terhadap dasar melindungi pasaran tempatan dan kenaikan duti import oleh Kerajaan telah menjadi pukulan yang hebat kepada Casic Marketing Sdn Bhd hingga melumpuhkan seluruh aktivitinya.
- iii. Demikian juga tanpa penguasaan yang mantap dalam perniagaan yang dicebur Module Board Sdn Bhd telah tidak teliti dan cermat dalam memahami citarasa dan kehendak pasaran sehingga produk yang diperkenalkannya gagal.
- iv. Kebergantungan SIC dan juga subsidiarinya kepada PKNS telah menjadikan aktiviti Module Board Sdn Bhd lumpuh apabila projek Bukit Botak diberhentikan pada masa itu.

2.3 Tadbir Urus Korporat

2.3.1 Fakta

- i. Penemuan Audit menyatakan pengurusan syarikat tidak selaras dengan Tadbir Urus Korporat (semakan 2007) seperti Lembaga Pengarah SIC dianggotai sepenuhnya oleh Pengurus Besar dan Eksekutif PKNS.
- ii. Penemuan Audit menyatakan terdapat amalan memberi manfaat kepada Lembaga Pengarah SIC dengan memberi elaun tandatangan.
- iii. Penemuan Audit menyatakan seorang daripada tiga Ahli Lembaga Pengarah SIC yang juga pegawai pengurusan atasan PKNS tidak menerima elaun tandatangan tetapi menerima gaji bulanan antara RM3,485 hingga RM3,985 sebulan dan bonus tahunan.
- iv. Penemuan Audit juga menyatakan bayaran gaji dan bonus yang telah dibayar pada tahun 2007 hingga bulan Februari 2009 berjumlah RM120,913. Pada tahun 2009, bayaran gaji hanya dibayar sehinggalah bulan Februari kerana Ahli Lembaga Pengarah tersebut telah tamat perkhidmatan kontraknya dengan PKNS.
- v. Penemuan Audit menyatakan bagaimanapun, sehingga pengauditan selesai dijalankan pada bulan Disember 2009, SIC masih belum mengumukakan surat pelantikan dan kelulusan Lembaga Pengarah PKNS serta Lembaga Pengarah SIC bagi bayaran gaji tersebut. Pihak Audit juga tidak dapat mengesahkan sejak bila bayaran gaji dan bonus telah dibayar kepada Ahli Lembaga Pengarah tersebut.
- vi. Penemuan Audit menyatakan terdapat beberapa kelemahan terhadap kawalan perbelanjaan seperti dari 31 baucar bayaran berjumlah antara RM9,000 hingga RM1.78 juta yang dipilih sebagai sampel audit terdapat tiga baucar bayaran yang berjumlah RM149,674 adalah antara perbelanjaan lawatan Ahli Lembaga Pengarah ke Hong Kong dan Kunming, China pada tahun 2007. Baucar bayaran di atas tidak mengandungi surat kelulusan Lembaga Pengarah SIC.

2.3.2 Penemuan Jawatankuasa:

- i. Amalan seperti Lembaga Pengarah SIC dianggotai sepenuhnya oleh Pengurus Besar dan Eksekutif PKNS dan terdapat amalan memberi manfaat kepada Lembaga Pengarah SIC dengan memberi elauan tandatangan menunjukkan SIC tidak memberi tumpuan terhadap amalan tadbir urus korporat yang baik.
- ii. Amalan memberi gaji bulanan antara RM3,485 hingga RM3,985 sebulan dan bonus tahunan kepada seorang Pengarah SIC yang juga pegawai pengurusan atasan PKNS adalah amalan yang bertentangan dengan peraturan dan amalan tadbir urus korporat yang baik.
- iii. Perbelanjaan sebanyak RM149,674 bagi lawatan Ahli Lembaga Pengarah ke Hong Kong dan Kunming, China pada tahun 2007 dengan baucar bayaran tidak mengandungi surat kelulusan Lembaga Pengarah SIC adalah suatu yang menyalahi amalan tadbir urus korporat yang baik.

3. SARANAN JAWATANKUASA

3.1 Prestasi Kewangan

- i. Membangunkan segera *core business* dan *core competencies* bagi SIC memandangkan SIC adalah sebuah subsidiari PKNS yang mempunyai modal berbayar yang begitu besar iaitu berjumlah RM35 juta yang sepatutnya mempunyai potensi perniagaan dalam *nichanya* yang tersendiri.
- ii. Membebaskan SIC daripada terlalu bergantung kepada PKNS dan aktiviti-aktiviti perniagaan PKNS serta memastikan SIC tidak hanya berperanan sebagai ‘orang tengah’ dalam hubungan perniagaan antara kontraktor-kontraktor dan pembekal-pembekal dengan PKNS.

3.2 Pengurusan Aktiviti

- i. Mengambil langkah-langkah perlu bagi menggulung Casic Marketing Sdn Bhd dan Module Board Sdn Bhd pada kadar yang segera.

**PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN ABAS BERKENAAN MAKLUMBALAS PENEMUAN AUDIT
LAPORAN AUDIT NEGARA 2009 KE ATAS SELANGOR INDUSTRIAL CORPORATION SDN BHD (SIC)**

- ii. Memberi tumpuan untuk membangunkan *core competencies* dan *core business* bagi SIC.

3.3 Tadbir Urus Korporat

- i. Mewujudkan sistem pemantauan yang mantap dan memastikan semua syarikat mematuhi peraturan-peraturan Kerajaan Negeri serta mematuhi Amalan Terbaik Tadbir Urus Korporat Malaysia.
- ii. Memastikan setiap syarikat tahu dan melaksanakan Pekeliling Perbendaharaan (PP) Bil. 9/1993, 10/1993, 11/1993 dan 12/1993.
- iii. Memastikan tiada syarikat membayar bonus tanpa mematuhi dasar yang ditetapkan mengikut PP Bil. 10/1993 dan pembayaran mesti mendapat kelulusan pihak Lembaga Pengarah dan Pihak Berkuasa Negeri (MMKN/EXCO).
- iv. Memastikan prosedur kerja dan SOP disediakan dan sentiasa dikemaskini.
- v. Memastikan Jawatankuasa Audit dan Pemeriksaan ditubuhkan seperti kehendak PP Bil 9/1993.

Penyata ini dikemukakan oleh Jawatankuasa Pilihan Mengenai Agensi, Badan Berkanun dan Anak Syarikat Kerajaan Negeri bagi dibentangkan sebagai makluman kepada Dewan yang mulia ini.



HJ SAARI BIN SUNGIB

Pengerusi,
Jawatankuasa Pilihan Mengenai
Agensi, Badan Berkanun dan Anak Syarikat Kerajaan Negeri
(JP-ABAS)

Bertarikh pada Jun 2011 di Shah Alam.

i

O

C

C

C

C

C

C

C

C

C

C

C